

10 JAN 1996

Barah

DUA PULUH KLINIK BARAH PAYUDARA DIWUJUDKAN SEBELUM TAHUN 2000

KUALA LUMPUR, 10 Jan (Bernama) -- Dua puluh klinik barah payudara akan diwujudkan sebelum tahun 2000 untuk menggalakkan pengesanan dan rawatan awal penyakit itu yang semakin meningkat di kalangan wanita negara ini.

Menteri Kesihatan Datuk Chua Jui Meng hari ini berkata kementerian menetapkan sasaran sebuah klinik barah payudara bagi setiap satu juta penduduk. Kini terdapat 14 klinik seumpama itu di negara ini.

Daripada pengalaman, klinik-klinik payudara berjaya dalam menggalakkan sebahagian besar wanita untuk mendapatkan rawatan, terutama di peringkat awal penyakit itu, katanya kepada pemberita selepas merasmikan Bengkel dan Seminar Pra-Kongres Kebangsaan Mengenai Barah Payudara di sini.

Sebelum perwujudan klinik barah payudara pada 1992, 75 peratus wanita yang mendapatkan rawatan di hospital-hospital berada dalam peringkat genting penyakit itu, katanya. Setahun selepas klinik-klinik itu dibuka, kadar itu menurun kepada 42 peratus.

Beliau berkata klinik-klinik barah payudara menawarkan rawatan tanpa gangguan kepada pesakit yang lebih cenderung untuk bekerjasama dan, oleh itu, lebih sanggup untuk mengambil bahagian dalam proses rawatan.

Beliau juga berkata Kempen Gaya Hidup Sihat yang dianjurkan kementerian berjaya dalam menanam kesedaran di kalangan wanita untuk mengesan barah payudara lebih awal.

Perangkaan menunjukkan peningkatan dalam jumlah kes barah payudara -- lebih daripada 3,000 pesakit sehingga November tahun lepas berbanding kira-kira 2,000 pada tahun sebelumnya.

Terdapat 156 kematian daripada barah payudara pada 1995 berbanding 150 pada 1994. Di seluruh dunia, barah payudara membunuh kira-kira 250,000 wanita setiap tahun.

Chua berkata umur dan faktor keturunan menyumbang kepada barah payudara walaupun punca sebenar tidak diketahui.

Oleh itu, wanita daripada setiap peringkat umur perlu dididik untuk melakukan pemeriksaan sendiri dan digalakkan menjalani pemeriksaan selain mendapatkan nasihat profesional, katanya.

Beliau menggesa Pertubuhan Bukan Kerajaan dan yayasan untuk membantu dengan mendermakan peralatan bagi klinik-klinik payudara itu.

Sebanyak 12 kertas kerja akan dibentangkan pada seminar sehari itu anjuran Kolej Pakar Bedah Antarabangsa yang diadakan bersempena dengan Kongress Persekutuan Asis Pasifik ke-11 yang dirasmikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad petang ini. -- BERNAMA